

Praktis 2

1 Dalam setiap ayat di bawah, terdapat **satu kesalahan ejaan**. Kenal pasti kesalahan tersebut dan **tulis ejaan** yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (a) Setiap orang perlu makan pelbagai jenis makanan pada kadar yang betul agar mendapat nutrien yang diperlukan.

- (b) Afif melekatkan stem pada sekeping poskad sebelum memasukkannya ke dalam peti surat yang disediakan.

2 Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan tersebut dan **tulis jawapan** yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (a) Pelancong dari negara Jepun itu sangat sukakan buah-buahan tempatan.

- (b) Aisy, Emir, Hud dan Yusof berasa teruja kerana mereka berempat akan menyertai perlumbaan di Thailand.

3 Baca ayat-ayat di bawah dengan telitinya. Kenal pasti jenis ayat-ayat tersebut. Kemudian nyatakan **jenis ayat** pada ruang yang disediakan.

- (a) “Di manakah rumah baharu kamu, Muizz?” tanya Hail.

- (b) Janganlah kita angkuh setelah memperoleh kejayaan kerana sikap sedemikian akan menyebabkan kita tersisih daripada rakan-rakan.
